

Media Title

- : Harian Metro
- : Kena auta dengan ‘pegawai BNM, polis’
- : 16 February 2023
- : Lokal
- : 18



## Kena auta dengan ‘pegawai BNM, polis’

**Kuantan:** Dua lelaki masing-masing pesara juruterma dan peneroka kerugian RM59,970 akibat terpedaya dengan ahli sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) dan pegawai polis.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, mangsa berusia 60 tahun dan 74 tahun sebelum itu menerima mesej melalui sistem pesanan ringkas (SMS) serta panggilan telefon pada 9 Februari lalu.

Katanya, kes pertama membabitkan pesara juruterma menerima SMS yang memaklumkan kad kredit digunakan untuk pembayaran e-Tomei sebanyak RM2,850.

“Mangsa kemudian menghubungi suspek berdasarkan nombor telefon yang diberikan untuk pengesahan dan talian kononnya disambungkan ke Bank Negara Malaysia.

“Suspek meminta mangsa menyerahkan maklumat perbankan iaitu nombor akaun bank, kad mesin juruwang automatik (ATM) dan kod pengesahan transaksi (TAC) miliknya. Selepas tiga hari, mangsa menyedari wang dalam akaun berkurangan RM29,970,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Ramli berkata, mangsa



Suspek meminta mangsa menyerahkan maklumat perbankan iaitu nombor akaun bank, kad mesin juruwang automatik (ATM) dan kod pengesahan transaksi (TAC) miliknya. Selepas tiga hari, mangsa menyedari wang dalam akaun berkurangan RM29,970”

**Ramli Mohamed Yoosuf**

kedua yang juga peneroka menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis.

Katanya, dalam perbualan, suspek mamaklumkan mangsa tidak membayar cukai pendapatan dan terbabit dengan aktiviti pengedarahan dadah.

“Mangsa berasa takut dan mengikut arahan suspek sehingga memindahkan sejumlah RM30,000 ke akaun bank suspek bagi tujuan penyelesaian kes sebelum menyedari ditipu,” katanya.

Katanya, kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.